

**PAS Akui Sukar Saingi Umno Dapatkan Sokongan Pengundi Melayu Di Luar Bandar Bernama
06 Mei, 2012**

IPOH, 6 Mei (Bernama) -- PAS mengakui agak sukar bagi parti itu untuk bersaing dengan Umno bagi mendapatkan sokongan pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar dan Felda.

Ketua Penerangan PAS pusat Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata parti berhadapan dengan pelbagai masalah untuk meraih sokongan di kedua-dua kawasan itu.

"Ruang bagi PAS yang bersaing dengan Umno bagi merebut sokongan pengundi Melayu sehingga saat ini kita akui masih lagi berhadapan dengan pelbagai masalah khususnya di kawasan luar bandar dan Felda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen PAS Perak ke-16 di sini, hari ini.

Katanya satu daripada faktor PAS gagal meraih sokongan pengundi ialah pendekatan inklusif yang dilaksanakan parti itu di mana program yang diadakan terlalu bersifat kepartian.

Pada sidang media kemudiannya, Tuan Ibrahim berkata PAS pusat telah menerima senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-13 akan datang.

"Kebiasaannya setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen akan hantar sekurang-kurangnya dua nama dan Majlis Syura telah meluluskan dua nama tersebut di seluruh negara.

"Semua calon telah diputuskan di peringkat Majlis Syura dan sekarang kita turunkan calon ke peringkat Jawatankuasa Pusat parti dan jawatankuasa itu yang akan memutuskan siapa calon (yang akan bertanding) dalam masa terdekat," katanya.

Selain itu, katanya pembahagian kerusi di kalangan parti dalam pakatan pembangkang telah 90 peratus selesai.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664066>